

16/06/1999

Perhimpunan susun strategi pilihan raya

Kamal Ahmad; Jamhariah Jaafar

KUALA LUMPUR, Selasa - Perhimpunan Agung Umno ke-53 selama tiga hari mulai Jumaat ini lebih tertumpu kepada penyusunan strategi menghadapi pilihan raya dan memperjelaskan pelbagai kekeliruan isu serta dakwah Pas.

Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Mohd Khalil Yaakub, berkata Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, juga dijangka menggunakan perhimpunan itu untuk memberi motivasi kepada semua ahli, pemimpin dan jentera parti bagi melipatgandakan persiapan menghadapi pilihan raya.

Justeru, beliau yakin, 2,034 perwakilan yang akan hadir dalam perhimpunan itu menyedari perkara berkenaan dan bersiap sedia mempamer perpaduan parti untuk menghadapi pilihan raya umum nanti.

"Kita mengemukakan usul yang ada kaitan umpamanya dengan dasar, pelaksanaan dasar dan lebih penting strategi parti berhadapan keadaan semasa.

"Dalam kes ini, maknanya sekarang ini kita memberi tumpuan persediaan pilihan raya. Yang penting juga pembahas mesti menyentuh perkara yang ada disebut oleh presiden dalam ucapan dasarnya. Kita akan tahu aliran pemikiran kepemimpinan parti dalam kandungan ucapan presiden itu.

"Itu sebabnya perkara ini menjadi perbincangan utama. Perkara yang ada kaitan untuk menguatkan bukan saja Umno bahkan Barisan Nasional (BN) sudah tentu akan diutarakan.

"Boleh jadi perhimpunan ini yang terakhir sebelum pilihan raya. Ini terserah kepada Perdana Menteri. Tetapi saya kata berkemungkinan. Jadi ahli (perwakilan) yang datang perlu sedar hal ini. Jadikan perhimpunan ini sebagai persiapan menyusun dan juga melancarkan kempen peringkat akhir," katanya ketika memberi taklimat perhimpunan kepada wakil media di sini, hari ini.

Turut hadir Ketua Penerangan Umno, Datuk Dr Mohd Yusuf Noor; Setiausaha Kerja, Mustafa Yassin; Setiausaha Kerja Pemuda Umno, Zulkifli Alwi dan Penolong Setiausaha Kerja Wanita Umno, Zuraidah Musib.

Menurut Khalil, keahlian Umno yang terus bertambah melebihi 2.7 juta juga membuktikan parti tidak terjejas dengan pelbagai isu yang dibangkitkan Pas atau parti pembangkang lain.

Mengenai usul ekonomi, beliau berkata ia antara lain menyentuh usaha kerajaan memulihkan ekonomi daripada kegawatan, termasuk tindakan bijak dan tegas oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN).

"Perwakilan juga wajar diperjelaskan mengenai tahap pembangunan yang dicapai negara, selain keberkesanan Dasar Ekonomi Baru (DEB), Persyarikatan Malaysia serta dasar lain yang berjaya membawa negara ke mercu kecemerlangan.

"Semua ini ada kaitan dengan rekod cemerlang Umno dan BN yang menepati manifesto. Ini bukti BN boleh membawa perubahan dan pembangunan di negara ini," katanya.

Ditanya kemungkinan ada pembahas membangkitkan isu Datuk Seri Anwar Ibrahim, beliau berkata: "Dalam muktamar Pas pun tak ada bincang subjek itu. Umno lebih nak tumpu kepada pilihan raya. Adalah lebih penting kepada kita dalam perhimpunan agung ini ialah tumpu kepada pilihan raya.

"Kita kena menang pilihan raya. Kita kena pertahankan dua pertiga majoriti. Semua perwakilan akan fikirkan hal itu," katanya.

(END)